

1. Latihan Pengenalan Kepada AI & Penggunaan ChatGPT di MPKU

01/01/2025 (Rabu)

Latihan Pengenalan Kepada AI dan Penggunaan ChatGPT telah dijalankan di Majlis Perbandaran Kulai. MPKu telah melanggan 10 akaun ChatGPT pakej Teams untuk kegunaan 10 Jabatan termasuk Yang Dipertua MPKu dan Tuan Setiausaha. Latihan ini telah dijalankan selama setengah hari bersama semua jabatan MPKu, Yang Dipertua MPKu dan Tuan Setiausaha. Turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Puan Arina, Dr Ikhwan, Yusuf, dan Faizul.



2. Sesi Penyerahan Kerja dan Go-Live Naiktaraf Modul Kewangan E-PBT 3.0 di 3 PBT (MPS, MDT & MPK)

01/01/2025 (Rabu)

Sesi penyerahan kerja dan go-live bagi naiktaraf Modul Kewangan Sistem ePBT 3.0 telah dijalankan selama 3 hari iaitu dari 1/1/2025 - 3/1/2025 di Majlis Perbandaran Segamat, Majlis Daerah Tangkak, dan Majlis Perbandaran Kluang. Terdapat beberapa wakil CTSB yang telah bertempat ke PBT tersebut bagi membantu pegawai-pegawai PBT menggunakan sistem ePBT 3.0. Antara wakil CTSB yang turut membantu di MPS, MDT, dan MPK adalah Bella, Fika Manaf, Inshirah, Khalis, Wana, Amirah Inez, dan Itmam.



3. Latihan Semula Modul Sewa Di Ekhidmat Majlis Bandaraya Pasir Gudang


08/01/2025 (RABU)

Latihan semula bagi Modul Sewa di eKhidmat telah dijalankan selama 1 hari di MBPG. Latihan semula ini adalah bertujuan untuk memberikan latihan penggunaan kepada pegawai pengguna dan pegawai teknologi maklumat MBPG. Latihan ini telah dihadiri oleh wakil CTSB iaitu Fozuanis dan Fika Manaf, bagi membantu sesi latihan tersebut.

5. Sesi Pengujian UAT Modul eKontrak Majlis Perbandaran Kulai (MPKU)

13/01/2025 (ISNIN)

Sesi Pengujian UAT yang kedua bagi Modul eKontrak telah diadakan selama tiga hari iaitu bermula pada 13 Januari 2025 sehingga 15 Januari 2025. Sesi ini telah diadakan di Majlis Perbandaran Kulai dan telah dihadiri oleh Pegawai Perolehan dan Pegawai Teknologi Maklumat MPKu. Sesi ini turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Syafaizah, Aina, dan Fyqa Maarof.



4. Perbincangan Pindaan Terhadap Sistem Kompaun MBBJ

08/01/2025 (RABU)

Sesi perbincangan mengenai pindaan terhadap sistem kompaun MBBJ telah diadakan pada 8 Januari 2025 di Majlis Bandaraya Johor Bahru. Fokus utama adalah untuk menilai keberkesanan sistem sedia ada dan mencadangkan penambahbaikan. Pihak CTSB telah dijemput bagi memberi pandangan serta maklum balas berkaitan. Perubahan yang dicadangkan bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan kompaun. Turut disertai oleh wakil Presgo dan pegawai berkenaan di MBBJ.



6. Mesyuarat Kick-off & Perbincangan URS Bagi Sistem EHR Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MPBG)

14/01/2025 (SELASA)

Mesyuarat ini telah diadakan selama satu hari di Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Mesyuarat ini bertujuan memulakan projek serta menyelaraskan keperluan pengguna sistem (URS). Fokus utama adalah memastikan keperluan dan spesifikasi sistem dipenuhi dengan tepat. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG. Turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Hana dan Edy Izwan.

7. Inisiatif Perkongsian Ilmu: Latihan Robotik di Pusat Sains Negara

15/01/2025 (RABU)

Pada 15 Januari 2025, pasukan robotic telah mengendalikan latihan robotik komprehensif untuk kakitangan Pusat Sains Negara. Latihan ini meliputi tiga sistem utama iaitu Loona, ClicBot, dan Tony Pi dengan kira-kira 20 peserta mendapat pengalaman praktikal. Sesi ini diketuai oleh Jurutera Robotik iaitu Yusuf, Faizul, dan Dr. Ikhwan, manakala Isma bertindak sebagai pengurus latihan dan juruacara majlis. Struktur latihan bertujuan meningkatkan pemahaman serta kemahiran operasi peserta terhadap sistem robotik tersebut. Kerjasama ini menunjukkan komitmen CTSB dalam perkongsian kepakaran teknologi. Ia juga menyokong pembangunan kemahiran robotik dalam sektor pendidikan sains.



8. Sesi Pelantikan Jawatankuasa Kelab Sukan dan Rekreasi MSCB CTSB 2025

16/01/2025 (KHAMIS)

Sesi Pelantikan Jawatankuasa Kelab Sukan dan Rekreasi telah diadakan pada 16 Januari 2025. Sesi ini diadakan bertujuan untuk melantik ahli jawatankuasa baharu bagi tahun 2025 dan melibatkan pengenalan ahli jawatankuasa baharu serta perancangan aktiviti sepanjang tahun 2025. Diharapkan ia dapat meningkatkan semangat kesukanan dan hubungan kerja dalam organisasi ini



9. Majlis Farewell Bagi Internship UTHM

17/01/2025 (JUMAAT)

Majlis Farewell 6 orang Pelatih Industri daripada UTHM telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas sumbangannya di CTSB. Mereka telah bersama CTSB sejak bulan Ogos 2024 sehingga bulan Januari 2025. Majlis jamuan hi-tea telah diadakan dan yang turut disertai oleh rakan-rakan dan team yang terlibat. Kami mengucapkan semoga maju jaya di masa hadapan.



10. Sesi Latihan Sistem Pemantauan Operasi Tunggalan Cukai Harta (SPOTCH) MBBJ

21/01/2025 (SELASA)

Sesi latihan ini telah berjalan selama 1 hari di Majlis Bandaraya Johor Bahru bersama dengan Pegawai yang terlibat termasuk Pegawai Bahagian Teknologi Maklumat. Latihan ini bertujuan meningkatkan kecekapan kakitangan dalam memantau dan mengurus tunggalan cukai harta. Peserta diberi panduan teknikal tentang fungsi utama sistem. Sesi ini juga memastikan penyelarasan data yang lebih tepat dan pengurusan yang sistematik. Turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Fadhzillah, Nabilah, dan Kanegeswaran.



11. Sesi Pengujian FAT Sistem Pemantauan Operasi Tunggalan Cukai Harta (SPOTCH) MBBJ


22/01/2025 (RABU)

Sesi Pengujian FAT bagi SPOTCH MBBJ ini telah diadakan selama 1 hari di MBBJ dan ia bertujuan memastikan sistem siap sepenuhnya dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Pengujian ini melibatkan simulasi operasi sebenar serta penilaian akhir terhadap fungsi sistem. Ia bertujuan mengenal pasti dan menyelesaikan sebarang isu sebelum pelaksanaan rasmi. Wakil CTSB iaitu Nabilah, dan Fadhzillah telah menyertai sesi ini.

12. Latihan Keseluruhan Sistem MYPATIL Majlis Perbandaran Pontian (MPPN)

22/01/2025 (RABU)

Sesi latihan ini telah berjalan selama 1 hari di Majlis Perbandaran Pontian bersama dengan Pegawai yang terlibat termasuk Pegawai Teknologi Maklumat. Latihan ini dijalankan bersama vendor MyPatil MPPn. Wakil CTSB iaitu Inshirah dan Siti Khairatul turut menghadiri latihan ini untuk memberi sokongan dari segi API yang CTSB telah bekalkan.



13. Lawatan daripada Iskandar Investment Berhad

22/01/2025 (RABU)

Pada 22 Januari 2025, MSC Cyberport menerima kunjungan hormat daripada Iskandar Investment Berhad (IIB), membuka ruang untuk perbincangan yang bermakna.

Sesi ini menjadi platform terbaik untuk kedua-dua organisasi bertukar pandangan dan idea mengenai inovasi serta transformasi digital. MSC Cyberport dan IIB turut menyatakan kesediaan untuk meneroka peluang kerjasama pada tahun 2025, selaras dengan visi bersama dalam membangunkan ekosistem digital Johor. Kami berharap pertemuan ini menjadi permulaan yang baik untuk kolaborasi yang lebih erat dan memberi impak positif pada masa hadapan!



14. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bayaran Dan Siap Kerja SPOTCH MBBJ

23/01/2025 (KHAMIS)

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bayaran dan Siap Kerja SPOTCH MBBJ bertujuan membincangkan status pelaksanaan dan penyelesaian projek sistem SPOTCH. Fokus utama mesyuarat adalah mengesahkan kesediaan sistem, menyemak laporan teknikal, dan memastikan semua kerja telah disiapkan mengikut spesifikasi. Isu-isu berkaitan pembayaran projek juga dibincangkan bagi memastikan proses berjalan lancar. Mesyuarat ini melibatkan semua pihak berkepentingan untuk mencapai persetujuan bersama. Wakil CTSB iaitu Encik Ramlee, Zawannah, Fadhzillah, dan Hana turut menghadiri mesyuarat ini.



15. Latihan Penggunaan Sistem Pemantauan Tunggakan Cukai Harta (SPOTCH) MBIP

28/01/2025 (SELASA)

Latihan semula bagi pengguna SPOTCH di MBIP telah dijalankan pada 28 Januari 2025 di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Pegawai yang telah menghadiri latihan ini adalah Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Cukai Harta. Mereka akan diberi pendedahan kepada fungsi utama sistem, termasuk pemantauan dan pengurusan tunggakan cukai dan sesi ini penting bagi memastikan penggunaan sistem yang lebih efektif dan sistematik. Turut menghadiri bagi membantu sesi latihan ini adalah Fadhzillah, Kanegeswaran, and Hana.

